

15/05/1997

Pahang adakan kempen pembersihan

JERANTUT, Rabu - Kerajaan Pahang akan mengadakan kempen kebersihan secara besar-besaran di seluruh negeri untuk memastikan semua premis makanan dan tempat awam sentiasa bersih.

Kempen itu akan dapat memastikan kebersihan premis terbabit tidak bersifat sementara.

Ia akan dibahagikan kepada dua kawasan itu iaitu Pahang Barat dan Pahang Timur.

Selain itu, mulai bulan depan, semua kaunselor, pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mengikuti kursus mengenai penjagaan kebersihan.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kursus selama dua hari itu akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kerajaan Tempatan.

Beliau berkata, semua PBT juga diminta menghantar laporan setiap bulan mengenai kebersihan kawasan masing-masing bagi membolehkan kerajaan negeri mengawasinya.

"Walaupun kebersihan kebanyakan premis makanan dan tempat awam sederhana, sesetengah tempat didapati semakin merosot," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Tanah Tinggi, di sini, hari ini.

Mulai bulan lalu, kerajaan negeri mengadakan mesyuarat jawatankuasa itu dan Exco Kerajaan Negeri di daerah lain selain Kuantan.

Katanya, langkah itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tahap kebersihan perlu dipertingkatkan selaras dengan taraf negara ini yang pesat membangun.

Sementara itu, Mohd Khalil berkata, kerajaan negeri mengambil keputusan membekukan semua permohonan projek di kawasan yang tidak dizonkan bagi pembangunan, terutama di kawasan tanah tinggi.

Beliau berkata, permohonan projek yang tidak termasuk dalam zon pembangunan tidak akan dilayan.

(END)